



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 10 Jun 2023

Nestlé Malaysia Menggalakkan Amalan Pemakanan Lebih Sihat Dalam Kalangan Rakyat Malaysia Menerusi Kempen 'Bersama di Dapur'

PETALING JAYA, 10 Jun 2023 – Sejalan dengan komitmen untuk menyokong rakyat Malaysia dalam usaha mengamalkan tabiat pemakanan lebih sihat, Nestlé Malaysia telah melancarkan kempen 'Bersama di Dapur' serta taklimat nutrisi dan pertandingan memasak yang menyeronokkan untuk ibu bapa dan anak-anak mereka. Ini adalah sejajar dengan inisiatif global Nestlé, iaitu program Kanak-Kanak Lebih Sihat Nestlé (N4HK), untuk memperkasakan 50 juta kanak-kanak di seluruh dunia menikmati kehidupan lebih sihat menjelang 2030.

Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi Malaysia 2019, satu daripada lima kanak-kanak Malaysia (di bawah umur 5 tahun) mengalami tumbesaran terbantut, manakala kajian mendapati bahawa 9 daripada 10 dewasa dan kanak-kanak tidak mengambil sajian buah-buahan dan sayur-sayuran yang disyorkan setiap hari. Kanak-kanak Malaysia juga mengalami beban berganda iaitu tumbesaran terbantut dan obesiti disebabkan malnutrisi atau ketidakseimbangan zat makanan, di samping kekurangan mikronutrien.

Cik Wong Mei Ching, Pengurus Pemakanan Korporat Kumpulan Nestlé (Malaysia) Bhd, berkata, "Dengan pemahaman yang mendalam tentang cabaran pemakanan yang dihadapi rakyat Malaysia, teras program NH4K kami adalah keyakinan bahawa usaha mendidik kanak-kanak membuat pilihan makanan lebih sihat akan menyumbang kepada masa depan lebih sihat bagi golongan muda Malaysia. Hakikatnya, kami mahu anak-anak membina kemampuan untuk membuat pilihan sendiri yang lebih bijak. Penglibatan anak-

anak dalam menyediakan makanan akan mendorong mereka untuk mencuba sayur-sayuran dan buah-buahan, dan pelbagai makanan lain, dan meningkatkan penghargaan mereka terhadap pemakanan berkhasiat. Di sinilah kempen 'Bersama Di Dapur' dapat membantu mencorak pemilihan makanan dan tabiat pemakanan yang baik dalam kalangan kanak-kanak."

Untuk meluaskan capaian program dan menarik penglibatan ibu bapa, pempengaruh dan selebriti tempatan popular, Noor Nabila dan anaknya Jayden Jebat telah mengambil bahagian dalam ceramah nutrisi serta demonstrasi memasak, bersama pakar pemakanan Afiqah Kahar untuk menekankan kepentingan melibatkan kanak-kanak dalam penyediaan makanan dan berkongsi petua buat ibu bapa untuk menjadikan pengalaman memasak bersama lebih menarik bagi diri sendiri dan anak-anak mereka. Pertandingan memasak yang menyeronokkan melibatkan 16 peserta, terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak mereka, juga telah diadakan untuk membolehkan mereka mencuba sendiri pengalaman memasak bersama.

"Untuk terus memberi inspirasi dan sokongan kepada ibu bapa, sesi tersebut juga menunjukkan cara menyediakan resipi Kotak Bento yang ringkas, berkhasiat dan menyelerakan, yang digandingkan dengan minuman MILO UHT sebagai sumber tenaga dan nutrien yang mudah untuk dinikmati dan memastikan kanak-kanak mendapat bekalan tenaga secukupnya untuk aktiviti harian mereka. Rangkaian produk MILO UHT kami digemari oleh kanak-kanak dari semua peringkat umur dan sesuai untuk dinikmati bersama sajian makan tengah hari yang sihat di sekolah," tambah Cik Wong.

Taklimat pemakanan dan pertandingan memasak yang menyeronokkan menekankan lagi kepada ibu bapa tentang pelbagai manfaat memasak bersama anak-anak mereka, termasuk menggalakkan mereka mengamalkan tabiat pemakanan sihat dari usia muda. Di samping itu, memasak dengan anak-anak memberi peluang kepada ibu bapa untuk mengajar kemahiran hidup yang penting kepada mereka, sambil mengukir kenangan terindah yang kekal seumur hidup.

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

+6012 235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com

Shahida Irawan or Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6019 688 7204 (Shahida Irawan) or

+6017 237 9048 (Yasmin Kadir)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my